

Nasional

Penularan COVID-19

Penduduk Kuala Langat masih boleh keluar masuk

100 peratus penghuni kawasan PKP secara pentadbiran perlu jalani saringan kesihatan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir, Ilah Hafiz Aziz dan Samadi Ahmad bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penduduk dan orang ramai di kawasan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara pentadbiran di Kuala Langat, masih boleh keluar masuk tempat terbabit. Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perintah itu berbeza dengan PKP Diperketatkan (PKPD) di kawasan lain seperti Selangor Mansion dan Pasar Bo-

rong Selayang, namun ia dilaksanakan dengan prosedur yang ketat.

"Jika PKPD di kawasan lain, kita tidak membenarkan orang ramai keluar masuk.

"Bagaimanapun di kawasan ini, kita benarkan tetapi mereka 100 peratus perlu menjalani saringan kesihatan, termasuk ujian calitan.

"Kawasan ini juga dipagar dengan kawat berduri," katanya pada sidang akhbar harian di Putrajaya yang disiarkan secara langsung, semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri menafikan dakwaan bahawa agensi kerajaan berdiam diri apabila PKP secara pentadbiran berkenaan dilaksanakan mulai malam kelmarin.

Sementara itu di Kuala Langat, Pegawai Daerahnya, Mohd Jusni Hashim, berkata pelaksanaan PKP secara pentadbiran berkenaan membabitkan kira-kira 9,000 penduduk di Taman Langat Murni dan Taman Langat Utama di Bukit Changgang.



Anggota polis dan tentera mengawal jalan keluar masuk ke Taman Langat Murni dan Taman Langat Utama. (Foto Samadi Ahmad/BH)



Sabri Ismail memegang anaknya, Nuryn Ardini menjalani ujian swab. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Beliau berkata, penguatkuasaan perintah itu bermula malam kelmarin hingga 16 Jun depan meliputi 4,100 meter persegi dan merupkan kawasan PKP secara pentadbiran terbesar di Malaysia dengan pemasangan kawat berduri sepanjang 4.1 kilometer.

Katanya, kawasan berkenaan membabitkan tiga zon terdiri

daripada A, B dan C dengan 1,752 unit rumah pangsa, rumah kedai serta rumah teres.

"Keseluruhan kawasan ini diduduki 70 peratus warga tempatan, manakala baki 30 peratus lagi warga asing," katanya pada sidang media, semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Azizan Tukiman, pula berkata 3,000

orang telah menjalani ujian saringan COVID-19, setakat semalam, sementara baki 6,000 lagi dijangka selesai, esok.

Beliau berkata, kira-kira 600 anggota pasukan keselamatan ditugaskan di kawasan itu dengan kawalan ketat terhadap warga asing bagi memastikan mereka menjalani ujian saringan.

Katanya, penduduk tempatan dibenarkan keluar secara beryatur, termasuk dalam situasi kecemasan, manakala kedai di kawasan itu juga dibenar beroperasi bagi memudahkan mereka membeli makanan.

Beliau memaklumkan, PKP secara pentadbiran itu dilaksanakan selepas 20 warga asing yang bekerja dengan syarikat pembersihan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan tinggal di taman terbabit, disahkan positif COVID-19.

"Setakat ini, pihak polis sedang mengenal pasti kontak rapat 20 warga asing disahkan positif COVID-19 itu untuk memutuskan rantaian wabak berkenaan," katanya.

Penghuni terkejut pemasangan kawat duri



Anggota tentera memasang kawat duri di sekeliling kawasan Taman Langat Murni dan Taman Langat Utama. (Foto BERNAMA)

Selangor: Sekeliling kawasan Taman Langat Murni dan Taman Langat Utama di sini, kini dipagari kawat duri.

Penduduk di kawasan itu pula dikehendaki menjalani ujian saringan penganasan COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan (KKM), semalam.

Tinjauan BH mendapati, pemasangan pagar kawat duri di kawasan itu dilaksanakan sejak malam kelmarin, manakala pergerakan keluar masuk ke kawasan berkenaan dikawal pasukan polis dan tentera.

Penduduk yang juga kakitangan swasta, Muhammad Noor Hidayat Kamrudin, 31, berkata beliau mendapat tahu mengenai perkara itu selepas dimaklumkan ahli keluarganya ketika berada di tempat kerja.

Katanya, beliau sepatutnya tamat bekerja jam 4 petang semalam, tetapi diminta keluarga untuk pulang menjalani ujian saringan COVID-19 dikendali-

kan KKM.

"Sebelum ini, saya memang tahu ada sekumpulan pekerja warga asing disahkan positif COVID-19 dan terkejut apabila dimaklumkan kawasan kediaman kami dipasang kawat duri dikawal tentera dan polis," katanya kepada pemberita.

Pemasangan kawat duri di dua taman berkenaan dipercayai susulan KKM mengesan satu kluster COVID-19 baharu, membabitkan pekerja pembersihan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang tinggal di kawasan itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, dilaporkan berkata kluster itu membabitkan 24 warga Bangladesh dijangkiti wabak itu hasil saringan dilakukan sebuah klinik swasta.

Katanya, seramai 20 individu dikesan dijangkiti menginap di asrama di Kuala Langat, manakala empat lagi individu di

pangsapuri di Nilai.

Seorang lagi penduduk, Siti Halimah Hassim, 37, berkata dia mendapat tahu kawasan itu dikawal anggota keselamatan selepas dimaklumkan suaminya tengah malam kelmarin.

Beliau berkata, pagi kelmarin dia bersama empat anak sepatutnya melakukan ujian saringan COVID-19, namun disebabkan ramai penduduk yang datang, mereka terpaksa menunggu giliran petang.

"Setakat ini, penduduk masih boleh keluar masuk dari kawasan ini sekiranya mempunyai surat kebenaran, namun selepas menjalani ujian saringan kami hanya dibenarkan tinggal di rumah," katanya.

Kuala Langat yang hampir tiga minggu berada dalam zon hijau, kini diletakkan di bawah zon kuning berikutan penambahan 20 kes baharu COVID-19, sekali gus menamatkan rekod zon hijau dipegang daerah itu sejak 8 Mei lalu.



C区封锁区为单层及双层排屋，清一色为大马人居住，共有494户。A区和B区各有480户和778户。

涉及1752户9千居民 瓜冷2花园封锁范围最大

(瓜冷3日讯)雪州瓜拉冷岳县长兼县灾难委员会主席莫哈末祖斯尼指出，从昨晚起被封锁的冷岳慕尼花园和冷岳乌达马花园的铁蒺藜网周长为4100公尺(4.1公里)，涉及107英亩内的1752家住户约9000名居民，为全马最大范围的铁蒺藜网封锁区。

半封锁2周至16日

他今午在封锁区行动室召开新闻发布会表示，半封锁令从昨晚开始至本月16日，共为期2周。被分成A、B和C区的所有居民，必须从今日起至本周五接受咽喉抹片冠病筛检，在等待检测报告出炉之前的14天内必须居家隔离，都不能离开军警人员驻守的主检查站。

“至于还没接受筛检的本国公民可出入主检查站，但必须经过站岗的军警人员批准，并留下身分资料，所有人最迟都必须在后日进行筛检。外籍人士则完全不能离开。”

他披露，涉及地区的居民有70%为本国人和30%外劳。全为中低价公寓的A区有高达70%是外劳人口、拥有2层楼店屋和中价公寓的B区，则有80%是本人、C区双层及单层排屋，则全数为本人。

区内24人确诊才加强行管

祖斯尼说，当局落实半封锁的行政式加强行管令，是因上周四(5月28日)有20名住在瓜冷上述地区，在吉隆坡国际机场担任清洁工的外劳确诊为冠病患者成为新感染群；另有4名同公司住在森州汶来的外劳清洁工也确诊，使得总确诊人数为24人。

“截至5月29日，有114名孟加拉籍外劳被确认和上述24名患者有过密切接触，他们全都被采集了样本供检测，分别于29日和30日被隔离在万宜司法及法律培训机构(ILKAP)和大马伊斯兰培训机构(ILIM)。”

他表示，县卫生署从5月30日起对3区居民展开的冠病筛检，截至昨日下午1时30分，共采集了2250个样本，包括1499名大马人和751名非公民，预计每天可筛检2000人。当中350人呈阴性反应、1900人报告未出炉。

祖斯尼说，封锁区内售卖日常用品的杂货店，可在遵守防疫标准作业程序下，照常营业至晚上10时，以提供居民服务，同时允许送餐服务。

“当局允许非政府组织派送物资予居民，前提是必须向社会福利局登记。”



Three Kuala Langat areas closed off

Semi-enhanced MCO comes amid 20 new cases

By AUSTIN CAMOENS
austin@thestar.com.my

SHAH ALAM: Three neighbourhoods in Kuala Langat have been placed under a semi-enhanced movement control order (MCO) starting yesterday.

The neighbourhoods are Taman Langat Utama, Taman Langat Murni and Taman Langat Murni Phase 2.

Selangor police Covid-19 spokesman Asst Comm Muhammad Yazid Muhammad Yew said the move was made after 20 foreigners tested positive for Covid-19 in the areas.

Army personnel and policemen began putting up barbed wire fences covering an area of 43.3ha with



a perimeter of 4.1km at about 12.30am yesterday.

Kuala Langat OCPD Supt Azizan Tukiman said they had been instructed to place the area under semi-enhanced MCO until June 16.

"The neighbourhoods have a community of over 9,000 and over 2,000 have already been screened.

"A total of 114 close contacts have been identified and have been placed under quarantine at two

centres in Bangi.

"Health ministry officials will take about three days to complete screening everyone in the area," he said.

Supt Azizan said movement in and out of the area would be strictly monitored.

A resident who lives nearby, Mohd Fauzi Awang, 40, said he was worried when he heard the area had been placed under a semi-enhanced MCO.

"I have a storage facility within the affected area where I keep all my goods for my food stall here.

"So far, I have been allowed to go in to get what I need and the authorities at the gate were thorough in asking questions and checks," he said.



Taking safety precautions: Army personnel and policemen keeping watch at the entrance to Taman Langat Murni in Kuala Langat.